

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 20/12/2021

Edisi / Muka Surat : Nasional (11)

Tajuk : 25 Pelajar Terima Biasiswa Penuh Yayasan Angkasa

**SHAH ALAM** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) telah menganugerahkan biasiswa penuh kepada 25 pelajar yang berjaya menerima Anugerah Pelajar Cemerlang membabitkan jumlah biasiswa sebanyak RM277,750.

Pengurus Besar Yayasan Angkasa, Haslinda Ahmad dalam kenyataan pada Ahad berkata, pemberian trofi dan sumbangan wang tunai serta sijil penghargaan itu bagi menghargai pencapaian pelajar pembiayaan pendidikan Yayasan Angkasa yang memperoleh keputusan ijazah kelas pertama.

"Pembiayaan ini bertujuan menyuntik semangat kepada pelajar yang menerima pembiayaan Yayasan Angkasa untuk memperoleh kejayaan yang sama pada masa depan.

"Dalam majlis ini juga turut dihadiri oleh 185 orang pelajar yang bakal menerima pembiayaan pendidikan Yayasan Angkasa bagi sesi 2021/2022 dengan jumlah pembiayaan berjumlah RM2,217,000," katanya.

Majlis Penyerahan Surat Tawaran dan Anugerah Pelajar Cemerlang itu disempurnakan

## 25 pelajar terima biasiswa penuh Yayasan Angkasa



Noh (empat dari kiri) menyampaikan anugerah kepada pelajar cemerlang yang mendapat ijazah kelas pertama.

oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar di Wisma Ungku Aziz, Kelana Jaya pada Ahad.

Yayasan Angkasa berperanan menyediakan kemudahan pembiayaan pendidikan boleh ubah untuk anggota koperasi dan anak anggota koperasi yang melanjutkan pengajian sepenuh masa, separa masa atau pengajian jarak jauh (PJJ) di peringkat Ijazah

Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PHd) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) dalam negara.

Pembiayaan Yayasan Angkasa yang boleh ditukarkan sebagai biasiswa merupakan satu anugerah daripada Angkasa kepada anak anggota koperasi di atas prestasi dan pencapaian cemerlang dalam pendidikan.

Dalam pada itu, beliau turut

mengalau-alukan sumbangan dana daripada individu, koperasi dan badan korporat untuk pembangunan modal insan dan taraf pendidikan warga koperasi.

"Sumbangan boleh disalurkan melalui beberapa kaedah seperti sumbangan individu, potongan gaji setiap bulan serendah RM1 (Biro Angkasa) dan sumbangan melalui JomPAY (serendah RM1).

"Kaedah kedua ialah sumbangan daripada koperasi dan badan korporat iaitu melalui cek (atas nama Yayasan Angkasa) dan sumbangan tunai.

"Semua sumbangan dana kepada Yayasan Angkasa memperoleh pelepasan cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967," katanya.